

# Hubungan Interpersonal (Part 1)

Azizi Hj Yahaya

## 1. Asas Pembentukan Hubungan Interpersonal

- Perkenalan pertama merupakan asas kepada penerimaan orang lain terhadap sifat seseorang itu. Tahap ini disebut sebagai tahap perkenalan (acquaintance process).  
↓
- Lazimnya, pada tahap ini fokus diberikan kepada penyampaian maklumat dan penerimaan informasi dalam pembentukan interpersonal.  
↓
- Umumnya, apabila berlaku suatu proses berinteraksi, kedua-dua belah pihak akan berusaha mengenali antara satu sama lain melalui identiti, sikap dan nilai yang dimiliki oleh pihak lain.  
↓
- Kebiasaannya, apabila kedua-dua pihak merasakan terdapat persamaan semasa berinteraksi, suatu hubungan yang mesra akan terjalin kesan dari persamaan yang dilihat oleh pihak berkenaan. Namun demikian, mereka akan cuba menyembunyikan sesuatu hakikat sekiranya didapati ianya menyinggung perasaan si pendengar.  
↓
- Apabila proses berinteraksi itu ditamatkan, maka ini menunjukkan bahawa usaha pembentukan hubungan interpersonal juga diakhiri.  
↓
- Kebanyakan maklumat yang diperolehi daripada proses berinteraksi tidak dilakukan melalui komunikasi verbal semata-mata. Ini dapat dilakukan melalui pelbagai cara, antaranya komunikasi yang menggunakan bahasa badan (body language). Bahasa badan ini meliputi gerakan bulu kening, intonasi suara, mengangguk, dan sebagainya.  
↓
- Ini menunjukkan bahawa bahasa badan memainkan peranan penting dalam meneruskan sesuatu proses interaksi itu. Corak pemakaian juga menampakkan peribadi seseorang dan ini membolehkan si pemerhati memberikan penilaian berdasarkan tanggapan pertamanya. Kesimpulannya, tanggapan pertama amat penting dalam menentukan samada sesuatu hubungan interpersonal itu akan diakhiri atau diperteguhkan.

CONTINUE...